

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK	Hong Leong Assurance Berhad
Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Hong Leong SMART FiT CI Insurance. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.	Hong Leong SMART FiT CI Insurance
	«Tarikh»

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1. Apakah produk ini?

- Ini merupakan pelan tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan terhadap diagnosis mana-mana 10 Penyakit Kritikal yang dilindungi dalam tempoh polisi.
- Pembaharuan automatik untuk Pelan Asas
 - Apabila polisi asas matang, polisi ini akan diperbaharui secara automatik selama 10 tahun lagi tanpa pengunderaitan tertakluk kepada terma dan syarat berikut:
 - Umur tercapai apabila pembaharuan tidak melebihi 60 tahun, dan
 - Pembaharuan maksimum dibenarkan adalah sehingga 2 kali.
 - Premium dan sebarang cukai yang dikenakan akan terus dikenakan apabila pembaharuan berdasarkan umur yang dicapai pada kadar semasa.
 - Pemunya Polisi adalah diperlukan untuk memberitahu Hong Leong Assurance Berhad sekurang-kurangnya 30 hari sebelum kematangan pelan ini jika dia tidak mahu membaharui pelannya selama 10 tahun lagi.
- Tempoh Bayaran Premium bagi pelan ini adalah 10 tahun.

2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Pelan Asas

Jumlah Asas Diinsuranskan untuk pelan ini adalah dan tempoh diinsuranskan ialah 10 tahun atau apabila polisi ditamatkan, yang mana berlaku dahulu.

Faedah Penyakit Kritikal

Jika Hayat Diinsuranskan didiagnosis mana-mana 10 Penyakit Kritikal dalam tempoh polisi, 100% Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar.

10 Penyakit Kritikal yang dilindungi ialah:

1. Penyakit Alzheimer/Dementia Teruk
2. Kanser
3. Kardiomiopati
4. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
5. Serangan Jantung
6. Pembedahan Injap Jantung
7. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
8. Penyakit Arteri Koronari Serius
9. Strok
10. Pembedahan Aorta

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Anggaran premium yang perlu anda bayar adalah seperti berikut:

Pelan/Rider	Jenis	Premium Perlu Dibayar			
		Tahunan (RM)	Setengah Tahunan (RM)	Suku Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
Hong Leong SMART FiT CI Insurance	Pelan Asas				
Jumlah Premium					

Tempoh Premium:

Pelan/Rider	Hayat-hayat yang Diinsuranskan	Premium dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan ke-1 pada awal tahun polisi	Tempoh Bayaran Premium
Hong Leong SMART FIT CI Insurance	Hayat Diinsuranskan	Sehingga umur	10 tahun

Premium adalah terjamin sepanjang 10 tahun tempoh bayaran premium.

Premium pembaharuan ditentukan berdasarkan umur tercapai Hayat Diinsuranskan pada kadar semasa pada tarikh pembaharuan. Kadar semasa adalah tidak terjamin dan tertakluk kepada semakan Syarikat. Kadar premium akan meningkat apabila anda semakin tua.

Nota:

Adalah penting anda menerima dan menyimpan resit pembayaran anda sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

Tahun Polisi	Premium Tahunan (RM)	Komisen ditanggung oleh Pemunya Polisi dan Dibayar daripada Premium Hong Leong SMART FIT CI Insurance	
		Bahagian premium yang ditolak untuk komisen (%)	Amaun Komisen (RM)
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7 dan ke atas			

6% Cukai Perkhidmatan akan dikenakan jika polisi dimiliki oleh korporat. Kalau polisi dimiliki oleh individu, Cukai Perkhidmatan tidak akan dikenakan.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi. Premium dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah anda bayar (selepas tolak perbelanjaan perubatan yang telah dibuat) akan dipulangkan kepada anda.
- Tempoh kelayakan/menunggu – kelayakan untuk faedah-faedah ditawarkan oleh polisi ini hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh polisi berkuatkuasa, kecuali Penyakit Kritikal yang berikut hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh polisi berkuatkuasa:
 - Kanser,
 - Pembedahan Pintasan Arteri Koronari,
 - Serangan Jantung,
 - Penyakit Arteri Koronari Serius.
- Polisi luput – polisi akan luput jika premium tidak dibayar untuk caj insurans dan caj-caj yang lain. Namun begitu, anda diberikan tempoh penangguhan sebanyak 30 hari untuk membuat bayaran premium.
- Anda harus memastikan bahawa polisi ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah pelan ini.
- Sila perhatikan kesan penukaran polisi daripada satu penanggung insurans kepada yang lain, atau berpindah daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain – sebagai contoh, anda mungkin tertakluk kepada terma dan syarat yang baru oleh polisi baru atau penanggung insurans baru.
- Kesemua Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan pengunderaitan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengacualian utama di bawah polisi ini?

Faedah Penyakit Kritikal

(a) Tanda-tanda atau gejala-gejala Penyakit Kritikal dimanifestasikan sebelum atau:

- A. dalam enam puluh (60) hari dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau pada sebarang Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian:

- (i) Kanser;
- (ii) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari;
- (iii) Serangan Jantung; atau
- (iv) Penyakit arteri koronari serius;

ATAU

- B. dalam tiga puluh (30) hari dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau pada sebarang Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian berkenaan dengan semua Penyakit Kritikal lain yang tidak dinyatakan dalam Perkara A di atas;
- (b) Penyakit Pra-wujud;
 - (c) Selain daripada kejadian pertama Penyakit Kritikal;
 - (d) Sebarang Penyakit Kritikal, di mana pada pendapat tunggal dan mutlak Syarikat, adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV). Kami berhak untuk menghendaki orang yang diinsuranskan menjalani ujian darah untuk mengesan kehadiran sebarang jangkitan HIV sebagai syarat duluan sebelum menerima apa-apa tuntutan. Bagi tujuan Polisi ini,
 - (i) definisi AIDS hendaklah sebagaimana yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada 1987, atau apa-apa semakan selepas itu oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk definisi tersebut; dan
 - (ii) jangkitan hendaklah dianggap terjadi apabila darah atau ujian lain yang berkaitan menunjukkan pada pendapat tunggal dan mutlak Syarikat sama ada kehadiran sebarang jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia atau Antibodi untuk virus sedemikian.
 - (e) Sebarang Penyakit Kritikal didiagnosis, sama ada secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit, yang telah dimanifestasikan atau didiagnosis sebelum Hayat Diinsuranskan mencapai tujuh belas (17) tahun;
 - (f) Sebarang Penyakit Kritikal disebabkan oleh kecederaan diri sendiri yang disengajakan, ketika siuman atau tidak siuman;
 - (g) Sebarang keadaan yang disebabkan secara langsung daripada alkohol atau penyalahgunaan dadah;
 - (h) Kematian Hayat Diinsuranskan dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari selepas tarikh diagnosis sebarang Penyakit Kritikal; atau
 - (i) Hayat Diinsuranskan merupakan seorang ahli sukan profesional.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Hong Leong Assurance Berhad. Selepas tempoh bertenang, nilai penyerahan tunai (jika ada) polisi anda akan dibayar kepada anda ketika anda membatalkan polisi anda; namun begitu, amaun yang dibayar mungkin kurang daripada jumlah premium yang anda bayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang 'Insurans Berkaitan Perubatan dan Kesihatan' yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkannya daripada kakitangan bankasurans atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong Assurance Berhad
Level 3, Tower B, PJ City Development
No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor
P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya

Pengantara:
Hong Leong Bank Berhad
Level 1, Menara Hong Leong

**No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur**

**Tel: 03 - 7650 1288
Fax: 03 - 7650 1299
Laman Web: www.hla.com.my**

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila rujuk kakitangan bankasurans untuk mengetahui jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMUASKAN BAHAWA POLISI INI ADALAH PALING SESUAI UNTUK ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat 1/8/2020.

Notis Penting kepada Bakal Pemilik Polisi

- Sebelum membeli sebarang produk Insurans Perubatan dan Kesihatan (IPK), anda dinasihatkan untuk mendapatkan penerangan berikut daripada pihak syarikat atau perantarnya:
 - Ciri-ciri asas dan penting IPK secara umumnya: dan
 - Ciri-ciri asas dan penting produk IPK yang anda ingin beli.
- Objektif latihan ini adalah untuk memastikan bahawa anda memahami ciri-ciri asas dan penting produk IPK supaya anda dapat membuat keputusan yang berpengetahuan sebelum membeli produk ini.
- Anda harus memastikan bahawa maklumat penting berkenaan polisi didedahkan kepada anda dan anda memahami maklumat yang didedahkan. Sekiranya terdapat keraguan, sila dapatkan penerangan/penjelasan daripada pihak syarikat atau perantarnya.
- Sebelum membuat sebarang keputusan untuk membeli sebarang polisi perubatan dan kesihatan (IPK), anda harus memastikan polisi ini akan memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium di bawah polisi ini..
- Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada contoh kontrak polisi untuk butir-butir penting pelan yang anda ingin beli.
- Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai asas-asas IPK, sila rujuk kepada risalah pendidikan pengguna "Pengenalan kepada Produk Insurans Perubatan dan Kesihatan" yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang boleh didapati di kebanyakan cawangan syarikat insurans. Anda juga boleh layari www.insuranceinfo.com.my untuk maklumat lanjut.
- Sekiranya polisi ini telah dikeluarkan dan atas sebarang alasan dalam apa cara sekalipun anda memutuskan untuk tidak mengambil polisi ini, anda boleh memulangkan polisi kepada kami bagi pembatalan dengan syarat permohonan bagi pembatalan sedemikian diserahkan oleh anda kepada kami dalam masa 15 hari dari tarikh penghantaran polisi. Anda berhak untuk mendapat pengembalian premium penuh dan sebarang cukai yang berkenaan setelah menolak perbelanjaan perubatan yang mungkin ditanggung oleh kami semasa pengeluaran polisi.

Senarai Semakan

Senarai semakan ini adalah panduan kepada anda untuk mendapatkan penerangan mengenai ciri-ciri penting sesuatu pelan perubatan dan kesihatan (IPK) supaya anda boleh membuat keputusan berpengetahuan sebelum membeli sesuatu polisi. Apabila terdapat keraguan atau di mana terdapat kekaburan, anda adalah dinasihatkan supaya mendapatkan penjelasan/penerangan lanjut dari syarikat insurans atau pengantara jualan anda.

- Buku risalah "Pengenalan kepada Produk Insurans Perubatan dan Kesihatan" yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia mengenai asas-asas IPK.
- Dokumen polisi untuk maklumat penting yang terperinci berkenaan dengan polisi yang dibeli.
- Tempat di mana butiran ciri-ciri penting boleh didapati.
- Faedah yang dibayar di bawah polisi ini.
- Pengecualian perubatan atau teknikal yang penting atau sekatan.
- Had-had ke atas faedah (contoh % kos yang dilindungi di bawah polisi, bayaran bersama, maksimum jumlah kos tuntutan dan pendeduksian)
- Jumlah premium yang akan dibayar dan tempoh pembayaran.
- Sifat dan setakat mana hak syarikat untuk menilai dan menyemak premium yang perlu dibayar dan notis yang akan diberikan oleh syarikat insurans sekiranya terdapat sebarang penyemakan.
- Keadaan-keadaan pra-wujud, penyakit khusus dan tempoh kelayakan dan tempoh-tempoh yang berkenaan.
- Untuk polisi pembaharuan tahunan, sama ada pembaharuan polisi adalah terjamin.
- Keadaan-keadaan berkemungkinan yang akan menyebabkan senario-senario berikut semasa pembaharuan polisi:
 - Sesuatu polisi yang diperbaharui dengan premium setara;
 - Sesuatu polisi yang diperbaharui dengan kadar premium yang dinaikkan; atau
 - Sesuatu polisi yang tidak diperbaharui.
- Implikasi kemungkinan akibat penukaran polisi dari satu syarikat insurans kepada yang lain atau pemindahan dari satu jenis pelan IPK kepada yang lain.
- "Tempoh Bertenang" selama 15 hari diberi untuk mempertimbangkan kesesuaian pelan IPK yang anda baru beli. Jika anda memulangkan produk ini kepada syarikat insurans dalam tempoh ini, premium penuh akan dikembalikan kepada pemunya polisi selepas menolak bayaran pemeriksaan perubatan.
- Hak syarikat insurans untuk menolak liabiliti sekiranya anda gagal mendedahkan maklumat relevan yang akan menjejaskan keputusan syarikat insurans untuk menerima atau menolak risiko, dan ke atas premium serta syarat yang akan dikenakan kepada anda.

Panduan Perkhidmatan – Perkhidmatan Kami Kepada Anda

Bank menawarkan pelbagai produk insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Jurubank Peribadi/Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan berikut:

Sebelum Anda Membeli Polisi	Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli Polisi	Semasa Tempoh Polisi
<p>Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai</p> <ul style="list-style-type: none">❖ Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan dengan anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.❖ Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda. <p>Menerangkan Ciri-Ciri Produk</p> <ul style="list-style-type: none">❖ Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.❖ Menyediakan Risalah Pendedahan Produk, untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.	<p>Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi</p> <ul style="list-style-type: none">❖ Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.❖ Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan❖ Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan.❖ Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh benefisiari anda sekiranya berlaku kematian. <p>Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi</p> <ul style="list-style-type: none">❖ Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi dikeluarkan.❖ Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda.	<p>Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan</p> <ul style="list-style-type: none">❖ Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium. <p>Membantu Anda Membuat Tuntutan</p> <ul style="list-style-type: none">❖ Membantu untuk mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad.

Portal Pelanggan

Sila layari sesawang korporat Hong Leong Assurance Berhad di <https://www.hla.com.my>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner **HLA360°** untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada Hong Leong Assurance Berhad, sila hubungi Hong Leong Assurance Berhad di **03-7650 1288** atau e-mel Hong Leong Assurance Berhad di customerservice@hla.hongleong.com.my.